



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KESIHATAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**JURUTEKNIK ENTOMOLOGI (D.3 EB.4-5)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



JURUTEKNIK ENTOMOLOGI
KEMENTERIAN KESIHATAN
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Entomology and Vector Control* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berpengetahuan dalam perisian komputer seperti *Microsoft Office*, powerpoints, *Excel*, *Words*, dan *Photoshop* adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat pemantauan dan pengawalan vektor terhadap tempat-tempat pembiakan vektor yang penting kepada kesihatan awam seperti jentik-jentik dan nyamuk, seterusnya mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan vektor;
2. Mengawasi kakitangan bawahan dalam perancangan kerja / operasi harian dalam aktiviti-aktiviti pemungutan dan pengumpulan contoh-contoh serangga untuk dianalisa di Makmal;
3. Membuat kajian analisa makmal terhadap serangga harian bagi serangga-serangga pembawa penyakit vektor yang penting kepada kesihatan awam seperti penyakit Denggi, Malaria dan sebagainya;
4. Membuat kajian makmal ke atas serangga-serangga terhadap kekebalannya kepada racun-racun serangga yang digunakan;



5. Menyediakan dan membuat laporan harian dan bulanan dari hasil kerja pemantauan dan pengawalan vektor pembawa penyakit seperti nyamuk;
6. Menjalankan pemeriksaan entomologi ke atas kes penyakit bawaan vektor yang dilaporkan serta tempat-tempat yang berpotensi;
7. Bersedia bertugas di kawasan luar bandar termasuklah berkhemah dan bermalam di kampong-kampong pedalaman dan terpencil apabila terlibat dalam program/projek pemantauan dan kajian aktiviti pemantauan dan pengawalan vektor bagi kesihatan awam dan kesihatan alam sekitar yang dikendalikan oleh Jabatan; dan
8. Mengikut arahan Ketua Bahagian / Ketua Unit dan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.